

**PENGARUH FAKTOR DALAMAN TERHADAP
RESILIEN DENGAN FOKUS REGULASI
SEBAGAI MEDIATOR DALAM KALANGAN
REMAJA JUVANA**

HAFIAH BINTI ISMAIL

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2020

**PENGARUH FAKTOR DALAMAN TERHADAP
RESILIEN DENGAN FOKUS REGULASI
SEBAGAI MEDIATOR DALAM KALANGAN
REMAJA JUVANA**

oleh

HAFIAH BINTI ISMAIL

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

Julai 2020

PENGHARGAAN

DENGAN NAMA ALLAH YANG MAHA PEMURAH LAGI MENGASIHANI

Segala puji bagi Allah, Tuhan Yang Maha pengaih lagi maha penyayang. Selawat dan salam kepada junjungan Nabi Muhammad S.A.W., keluarga serta sahabat-sahabat baginda. Pertamanya saya ingin merakamkan terima kasih dan syukur kerana diberi peluang untuk menyambung pengajian di peringkat PhD di bawah tajaan Kementerian Pendidikan Malaysia. Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada penyelia saya Prof Madya Dr Aswati Hamzah yang begitu banyak memberi bimbingan, tunjuk ajar dan teguran sehingga berjaya menyiapkan tesis ini. Jutaan terima kasih juga kepada pensyarah penyelia bersama Prof Dr Hairul Nizam Ismail yang telah memberi sokongan dan motivasi kepada saya.

Sekalung penghargaan dan terima kasih juga kepada pakar-pakar yang telah banyak menyumbang kepakaran dan bantuan sepanjang pengajian iaitu Prof Madya Dr Awang Idris (UM), Dr Hj Abdul Razak Othman (IPGK Pulau Pinang), Dr Ramlan Mustapha (IPGK Lipis), Dr Mohd Sobhi Ishak (UUM) dan Profesor Dr Nordin Abd Razak (USM). Tidak lupakan penghargaan ditujukan kepada semua pihak yang membantu melicinkan pengurusan berkaitan kajian ini iaitu pensyarah dan kakitangan di PPIP USM, JEPeM USM, KPWKM, Pengetua-pengetua STB, serta pelatih STB yang terlibat dalam kajian ini.

Buat rakan seperjuangan Dr Salina Mokhtar, Teo Lai Yong, Kak Pah, Kak Norhayati Aziz @ Esa (IAB), Anis dan semua rakan yang lain. Terima kasih diucapkan atas sokongan dan semangat yang diberikan kepada saya agar cekal dan kuat dalam meneruskan perjuangan menyiapkan kajian ini. Akhir sekali buat suami tercinta Hasbullah Umar dan anak-anak yang tersayang Muhammad Hasif bin Hasbullah,

Muhammad Hanif bin Hasbullah, Nur Fatimah binti Hasbullah, Nur'Aisyah binti Hasbullah, Muhammad Haikal bin Hasbullah serta puteri bongsu yang lahir saat perjuangan PhD penuh berliku Nur Aleesya Aleeya Binti Hasbullah.

SENARAI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	ii
SENARAI KANDUNGAN	iv
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xvii
SENARAI SINGKATAN	xix
SENARAI LAMPIRAN	xx
ABSTRAK	xxii
ABSTRACT	xxiv
BAB 1 PENGENALAN	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	5
1.3 Pernyataan Masalah	8
1.4 Objektif Kajian.....	13
1.5 Soalan Kajian	13
1.6 Kepentingan Kajian	17
1.7 Batasan Kajian	18
1.8 Definisi Istilah.....	20
1.8.1 Resilien.....	20
1.8.2 Faktor Dalaman	20
1.8.2(a) Regulasi Emosi.....	21
1.8.2(b) Kepercayaan Metakognitif	21
1.8.2(c) Efikasi Kendiri.....	23
1.8.2(d) Fokus Regulasi	24
1.8.3 Remaja Juvana STB	25
1.9 Kerangka Konseptual Kajian	25

1.10	Rumusan	29
BAB 2	TINJAUAN LITERATUR.....	30
2.1	Pengenalan	30
2.2	Resilien	31
2.2.1	Konsep Resilien.....	31
2.2.2	Perkembangan Kajian Resilien.....	35
2.2.3	Resilien dari Perspektif Sains Kognitif	39
2.2.4	Resilien dalam kalangan Remaja Juvana	43
2.2.5	Kajian Resilien di Malaysia.....	47
2.2.6	Model-model Resilien	49
2.2.6(a)	Model Transaksional	49
2.2.6(b)	Model Proses Resiliensi	52
2.2.6(c)	Model Perkembangan Resilien.....	55
2.2.6(d)	Perbandingan Model Resilien.....	57
2.2.7	Resilien dari Perspektif Psikososial.....	62
2.2.7(a)	Resilien dari Perspektif Teori Ekologi	63
2.2.7(b)	Resilien dari Perspektif Teori Perkembangan Psikososial	65
2.2.8	Resilien dari Perspektif Islam.....	68
2.2.9	Kesimpulan.....	72
2.3	Regulasi Emosi	73
2.3.1	Konsep Regulasi Emosi.....	74
2.3.2	Strategi Regulasi Emosi	75
2.3.3	Strategi Kognitif Regulasi Emosi dan Resilien	78
2.3.4	Regulasi Emosi dan Emosi Positif	81
2.3.5	Regulasi Emosi dari Perspektif Islam.....	84
2.3.6	Kesimpulan.....	87
2.4	Kepercayaan Metakognitif	87

2.4.1	Konsep Metakognisi	87
2.4.2	Model Pemantauan Kognitif.....	91
2.4.3	Model Self-Regulatory Executive Function (S-REF)	94
2.4.4	Kepercayaan Metakognitif dari Perspektif Psikopatologi	95
2.4.5	Kepercayaan Metakognitif dari Perspektif Islam	96
2.4.6	Kesimpulan.....	99
2.5	Efikasi Kendiri	99
2.5.1	Konsep Efikasi Kendiri	99
2.5.2	Efikasi Kendiri dan Pembentukan Tingkah Laku Remaja.....	103
2.5.3	Efikasi Kendiri dan Tingkah Laku Delinkuen.....	105
2.5.4	Kesimpulan.....	106
2.6	Fokus Regulasi.....	106
2.6.1	Konsep Fokus Regulasi	106
2.6.2	Fokus Regulasi dari Perspektif Islam	108
2.6.3	Kesimpulan.....	111
2.7	Teori-teori Berkaitan.....	111
2.7.1	Teori Psikologi Kognitif Ad-Din.....	113
2.7.2	Model Personaliti dan Kognisi Islam	119
	2.7.2 (a) Model Personaliti Islam.....	120
	2.7.2(b) Model Kognisi	124
2.7.3	Teori Kecerdasan <i>Triachic</i>	129
2.7.4	Teori Determinasi Kendiri.....	134
2.7.5	Teori Kognitif Sosial	139
2.7.6	Teori Fokus Regulasi.....	143
2.8	Kerangka Teori	145
2.9	Variabel Kajian dan Rasional Pemilihan Variabel Kajian.....	149

2.9.1	Variabel Bersandar : Resilien	150
2.9.2	Variabel Bebas: Regulasi Emosi	151
2.9.3	Variabel Bebas: Kepercayaan Metakognitif.....	152
2.9.4	Variabel Bebas: Efikasi Kendiri.....	153
2.9.5	Variabel Mediator: Fokus Regulasi.....	154
2.10	Pembinaan Hipotesis Kajian	155
2.10.1	Hubungan Dimensi Regulasi Emosi dengan Fokus Regulasi	156
2.10.1(a)	Hubungan Strategi Penilaian Semula dengan Fokus Promosi	156
2.10.1(b)	Strategi Pemendaman Perasaan dengan Fokus Prevensi.....	158
2.10.2	Hubungan Dimensi Kepercayaan Metakognitif dengan Fokus Regulasi	161
2.10.3	Hubungan Efikasi Kendiri dengan Fokus Promosi	165
2.10.4	Hubungan Dimensi Regulasi Emosi dengan Resilien.....	167
2.10.4(a)	Strategi Penilaian Semula dengan Resilien.....	168
2.10.4(b)	Strategi Pemendaman Perasaan dengan Resilien	172
2.10.5	Hubungan Dimensi Kepercayaan Metakognitif dengan Resilien.....	175
2.10.5(a)	Hubungan Kepercayaan Metakognitif Positif dengan Resilien	177
2.10.5(b)	Hubungan Kepercayaan Metakognitif Negatif dengan Resilien	179
2.10.5(c)	Hubungan Kepercayaan Metakognitif Keyakinan Kognitif dengan Resilien.....	183
2.10.5(d)	Hubungan Kepercayaan Metakognitif Keperluan Kawalan Pemikiran dengan Resilien	185
2.10.5(e)	Hubungan Kepercayaan Metakognitif Kesedaran Kendiri Kognitif dengan Resilien	189

2.10.6	Hubungan Efikasi Kendiri dengan Resilien	192
2.10.7	Hubungan Fokus Regulasi dengan Resilien	195
2.10.7(a)	Hubungan Fokus Promosi dengan Resilien.....	197
2.10.7(b)	Hubungan Fokus Prevensi dengan Resilien	200
2.10.8	Fokus Regulasi sebagai Mediator.....	202
2.10.8 (a)	Dimensi Regulasi Emosi, Fokus Regulasi dan Resilien	203
2.10.8(b)	Dimensi Kepercayaan metakognitif, fokus regulasi dan resilien	204
2.10.8(c)	Efikasi Kendiri, Fokus Regulasi dan Resilien	206
2.11	Model dan Hipotesis Kajian.....	207
2.12	Rumusan	210
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	211
3.1	Pengenalan	211
3.2	Paradigma Kajian.....	211
3.3	Reka Bentuk Kajian	212
3.3.1	Kaedah Penyelidikan Campuran (<i>mixed method</i>)	213
3.3.2	Kaedah Campuran KUAN-Kual.....	214
3.4	Populasi kajian	215
3.5	Pensampelan Kajian.....	216
3.5.1	Pensampelan Kajian Kuantitatif	216
3.5.1(a)	Penentuan Saiz Sampel.....	216
3.5.1(b)	Teknik dan Prosedur Pensampelan.....	218
3.5.2	Pemilihan Subjek Kajian Kualitatif.....	220
3.5.2(a)	Saiz Sampel Kajian Kualitatif	220
3.6	Instrumen Kajian.....	222
3.6.1	Soal Selidik.....	222
3.6.1(a)	Bahagian A: Profil Demografi.....	223

3.6.1(b)	Bahagian B: Skala Resilien Remaja	223
3.6.1(c)	Bahagian C:Soal Selidik Emosi.....	Regulasi 224
3.6.1(d)	Bahagian D: Soal Selidik Metakognisi.....	225
3.6.1(e)	Bahagian E:Skala Umum	Efikasi Kendiri 226
3.6.1(f)	Bahagian F: Soal Selidik Fokus Regulasi (RFQ).....	227
3.6.2	Instrumen Kualitatif.....	230
3.6.2(a)	Temu bual Separa Berstruktur.....	230
3.6.2(b)	Protokol Temu bual	232
3.7	Penterjemahan Instrumen Kajian Kuantitatif.....	233
3.8	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen	234
3.8.1	Kesahan dan Kebolehpercayaan Penyelidikan Kuantitatif.....	234
3.8.1(a)	Kesahan Muka	235
3.8.1(b)	Kesahan Kandungan.....	236
3.8.1(c)	Kesahan Konstruk	239
3.8.1(d)	Prauji (<i>Pretesting</i>)	240
3.8.1(e)	Kajian Rintis	241
3.8.1(f)	Kebolehpercayaan Instrumen Kajian Rintis.....	242
3.8.1(g)	Kesahan Konstruk Kajian Rintis	245
3.8.1(h)	Instrumen Kuantitatif Selepas Kajian Rintis	255
3.8.2	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Kualitatif	256
3.8.2(a)	Kajian Rintis	257
3.8.2(b)	Pengesahan Subjek Terhadap Data Temu bual	258
3.8.2(c)	Pengesahan Pakar (<i>Inter-rater Reliability</i>).....	258
3.9	Penganalisan Data	260

3.9.1	Penganalisisan Data Kuantitatif	261
3.9.1(a)	Analisis Inferensi Melalui PLS-SEM.....	263
3.9.2	Penganalisaan Data Kualitatif	267
3.9.2(a)	Analisis Rangkaian Tematik.....	267
3.9.2(b)	Pengurusan Data.....	271
3.10	Prosedur Pengumpulan Data.....	271
3.11	Pertimbangan Etika	273
3.12	Rumusan	277
BAB 4	DAPATAN KAJIAN	278
4.1	Pengenalan	278
4.2	Penapisan Data Kajian	279
4.2.1	Analisis Kehilangan Data (Missing Data).....	279
4.2.2	Analisis Data Terpencil (Outliers).....	280
4.3	<i>Common Method Bias</i>	282
4.4	Analisis Ujian Multivariat.....	285
4.4.1	Ujian Kenormalan Data.....	285
4.4.2	Ujian Multikolineariti.....	288
4.4.3	Ujian Homokedastisiti	289
4.5	Dapatan Profil Demografi Sampel.....	290
4.6	Dapatan Analisis Deskriptif.....	292
4.7	Keputusan Analisis PLS-SEM.....	293
4.7.1	Model Pengukuran.....	294
4.7.2	Pengujian Model Struktural PLS-SEM	304
4.7.2(a)	Penilaian <i>Collinearity</i>	306
4.7.2(b)	Nilai Ketepatan Peramalan (R^2)	308
4.7.2(c)	Ujian Kerelevanan Peramalan (Q^2)	309

4.7.2(d)	Perbandingan Saiz Kesan Ketepatan Peramalan (f^2) dan Saiz Kesan Kerelevanan Peramalan (q^2)	311
4.7.2(e)	Pengujian Hipotesis: Hubungan Langsung	315
4.7.2(f)	Pengujian Hipotesis: Analisis Mediator	318
4.8	Kesimpulan	321
4.9	Dapatan Analisis Temu Bual Separa Berstruktur	323
4.9.1	Daya Tindak	323
4.9.1(a)	Subtema Daya Tindak Positif	323
4.9.1(b)	Subtema Daya Tindak Negatif	327
4.9.2	Regulasi Kognitif	332
4.9.2(a)	Kepercayaan Kognitif	332
4.9.2(b)	Penilaian Kognitif	336
4.9.2(c)	Kawalan Kognitif	340
4.9.3	Kepercayaan Diri	346
4.9.3(a)	Kepercayaan Diri Positif	346
4.9.3(b)	Keyakinan Kendiri	348
4.9.4	Rangkaian Tematik	352
4.10	Sumbangan Dapatan Kualitatif	357
4.11	Rumusan	358
BAB 5	PERBINCANGAN DAN RUMUSAN KAJIAN	360
5.1	Pengenalan	360
5.2	Ringkasan Kajian	361
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	366
5.3.1	Pengaruh Dimensi Regulasi Emosi Terhadap Fokus Regulasi	366
5.3.2	Pengaruh Dimensi Kepercayaan Metakognitif Terhadap Fokus Regulasi	369
5.3.3	Pengaruh Efikasi Kendiri Terhadap Fokus Regulasi	374

5.3.4	Pengaruh Dimensi Regulasi Emosi Terhadap Resilien	376
5.3.5	Pengaruh Dimensi Kepercayaan Metakognitif Terhadap Resilien	378
5.3.6	Pengaruh Efikasi Kendiri Terhadap Resilien	386
5.3.7	Pengaruh Fokus Regulasi Terhadap Resilien	387
5.3.8	Peranan Mediator dalam Model	391
5.3.9	Penjelasan Dapatan Kualitatif Berkaitan Pengaruh Dimensi Regulasi Emosi, Dimensi Kepercayaan Metakognitif dan Efikasi Kendiri terhadap Fokus Regulasi dan Resilien	393
5.3.9(a)	Faktor Daya Tindak terhadap Fokus Regulasi dan Resilien	394
5.3.9(b)	Peranan Regulasi Kognitif dalam Mempengaruhi Fokus Regulasi dan Resilien	398
5.3.9(c)	Pengaruh Kepercayaan Diri terhadap Fokus Promosi dan Resilien	404
5.4	Implikasi Kajian	407
5.4.1	Implikasi Terhadap Teoritikal	407
5.4.2	Implikasi Terhadap Perkembangan Ilmu	416
5.4.3	Implikasi Terhadap Metodologi	418
5.4.4	Implikasi Terhadap Amalan	419
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	421
5.6	Rumusan	422
	SENARAI RUJUKAN	425

LAMPIRAN

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 1.1	Senarai Sekolah Tunas Bakti di Malaysia..... 6
Jadual 2.1	Perbandingan Model-model Resilien..... 61
Jadual 2.2	Analisis Literatur Hubungan antara Strategi Penilaian Semula dengan Fokus Promosi 158
Jadual 2.3	Analisis Literatur Hubungan antara Strategi Pemendaman Perasaan dengan Fokus Prevensi..... 160
Jadual 2.4	Analisis Tinjauan Literatur Hubungan antara Efikasi Kendiri dengan Fokus Regulasi Promosi..... 166
Jadual 2.5	Analisis Tinjauan Literatur Hubungan antara Strategi Penilaian Semula dengan Resilien 171
Jadual 2.6	Analisis Tinjauan Literatur Hubungan antara Strategi Pemendaman perasaan dengan Resilien 174
Jadual 2.7	Analisis Tinjauan Literatur Hubungan antara Kepercayaan Metakognitif Positif terhadap Resilien..... 179
Jadual 2.8	Analisis Tinjauan Literatur Hubungan antara Kepercayaan Metakognitif Negatif terhadap Resilien 182
Jadual 2.9	Analisis Literatur Hubungan Kepercayaan Metakognitif Keyakinan Kognitif terhadap Resilien 185
Jadual 2.10	Analisis Literatur Hubungan Kepercayaan Metakognitif Keperluan Kawalan Pemikiran terhadap Resilien 188
Jadual 2.11	Analisis Literatur Hubungan Kepercayaan Metakognitif Kesedaran Kognitif terhadap Resilien 191
Jadual 2.12	Analisis Literatur Hubungan antara Efikasi Kendiri dengan Resilien 195
Jadual 2.13	Analisis Literatur Hubungan antara Fokus Promosi dengan Resilien 199
Jadual 2.14	Analisis Literatur Hubungan antara Fokus Prevensi dengan Resilien 202
Jadual 3.1	Taburan dan Bilangan Saiz Sampel Responden Berdasarkan Sekolah Tunas Bakti 217
Jadual 3.2	Subjek Kajian Kualitatif 221

Jadual 3.3	Kandungan Soal Selidik dan Bilangan Item Sebelum Kajian Rintis	223
Jadual 3.4	Subskala ARS	224
Jadual 3.5	Subskala ERQ	225
Jadual 3.6	Subskala MCQ	226
Jadual 3.7	Skala Efikasi Kendiri	227
Jadual 3.8	Subskala RFQ	227
Jadual 3.9	Ringkasan Soal Selidik Kajian.....	228
Jadual 3.10	Contoh Soalan-Soalan Temu Bual dengan Remaja Juvana STB	232
Jadual 3.11	Perubahan Item MCQ	238
Jadual 3.12	Klasifikasi Indeks Kebolehpercayaan Cronbach Alpha.....	243
Jadual 3.13	Item-item yang Digugurkan Selepas Analisis Faktor Konfirmatori (CFA)	243
Jadual 3.14	Nilai Kebolehpercayaan Variabel Kajian Selepas Analisis Faktor	244
Jadual 3.15	Kesahan Menumpu (Convergent Validity) Kajian Rintis	246
Jadual 3.16	Ujian Cross Loading Kajian Rintis	250
Jadual 3.17	Kesahan Diskriminan Kajian Rintis (Ujian Fornell & Lacker)	253
Jadual 3.18	Nilai HTMT Kajian Rintis	254
Jadual 3.19	Kandungan Soal Selidik dan Bilangan Item Selepas Kajian Rintis	255
Jadual 3.20	Susunan Item Soal Selidik Selepas Kajian Rintis.....	256
Jadual 3.21	Nilai Kappa dan Tahap Persetujuan.....	259
Jadual 3.22	Nilai Persetujuan Cohen Cappa	260
Jadual 4.1	Nilai R^2 Sebelum Pembuangan Data Terpencil (casewise diagnostic)	281
Jadual 4.2	Nilai R^2 Selepas Pembuangan Data Terpencil (casewise diagnostic)	282

Jadual 4.3	Korelasi antara Variabel Kajian	284
Jadual 4.4	Keputusan Ujian Skewness dan Kurtosis	287
Jadual 4.5	Keputusan Ujian Kolmogorov-Smirnov dan Shapiro-Wilk.....	288
Jadual 4.6	Analisis Multikolineariti	289
Jadual 4.7	Taburan Frekuensi dan Peratus Ciri-ciri Demografi Responden.....	291
Jadual 4.8	Tahap Resilien	293
Jadual 4.9	Penilaian Model Pengukuran	296
Jadual 4.10	Dapatan Ujian Cross Loading	300
Jadual 4.11	Dapatan Ujian Kriteria Fornell-Lacker	302
Jadual 4.12	Dapatan Ujian HTMT	303
Jadual 4.13	Dapatan Penilaian Collinearity	306
Jadual 4.14	Nilai Ketepatan Peramalan (R^2)	308
Jadual 4.15	Kerelevanan Peramalan (Q^2).....	310
Jadual 4.16	Analisis Saiz Kesan ketepatan peramalan (f^2) dan Saiz Kesan Kerelevanan Peramalan (q^2) Variabel Resilien.....	311
Jadual 4.17	Analisis Saiz Kesan ketepatan peramalan (f^2) dan Saiz Kesan Kerelevanan Peramalan (q^2) Variabel Fokus Promosi	313
Jadual 4.18	Analisis Saiz Kesan ketepatan peramalan (f^2) dan Saiz Kesan Kerelevanan Peramalan (q^2) Variabel Fokus Prevensi.....	314
Jadual 4.19	Keputusan Pengujian Hipotesis terhadap Fokus Promosi	315
Jadual 4.20	Keputusan Pengujian Hipotesis terhadap Fokus Prevensi.....	316
Jadual 4.21	Keputusan Pengujian Hipotesis terhadap Resilien	317
Jadual 4.22	Hubungan Kesan Langsung antara Variabel Bebas dengan Variabel Bersandar	319
Jadual 4.23	Hubungan Kesan Tidak Langsung antara Variabel Bebas dengan Variabel Bersandar	320

Jadual 4.24	Ringkasan Pengujian Hipotesis.....	322
Jadual 4.25	Subtema Daya Tindak Positif	324
Jadual 4.26	Subtema Daya Tindak Negatif.....	328
Jadual 4.27	Subtema Kepercayaan Kognitif	333
Jadual 4.28	Subtema Penilaian Kognitif	337
Jadual 4.29	Subtema Kawalan Kognitif.....	341
Jadual 4.30	Subtema Kepercayaan Diri Positif.....	347
Jadual 4.31	Subtema Keyakinan Kendiri	348

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 1.1	Kerangka Konseptual Kajian 28
Rajah 2.1	Kerangka Resilien oleh Karof Kumpfer.. 52
Rajah 2.2	Model Proses Resiliensi 55
Rajah 2.3	Model Perkembangan Resilien 57
Rajah 2.4	Model Proses Regulasi Emosi..... 76
Rajah 2.5	Model Regulasi Emosi dan Resilien 79
Rajah 2.6	Model pemantauan kognitif 92
Rajah 2.7	Komponen Pengetahuan Metakognitif Flavell (1979)..... 93
Rajah 2.8	Model Proses Kognisi Islam dan Komponen Kognisi 124
Rajah 2.9	Triadic Reciprocal Determinism 140
Rajah 2.10	Sub proses dalam Regulasi Kendiri 142
Rajah 2.11	Teori Fokus Regulasi 144
Rajah 2.12	Kerangka Teori Kajian..... 146
Rajah 2.13	Model Hipotesis Kajian 208
Rajah 3.1	Reka Bentuk Kaedah Campuran 215
Rajah 3.2	Aliran Prosedur Pemilihan Sampel Kajian Kuantitatif..... 219
Rajah 3.3	Struktur Rangkaian Tematik 268
Rajah 3.4	Proses Analisis Rangkaian Tematik..... 269
Rajah 4.1	Analisis Kehilangan Data..... 280
Rajah 4.2	Ujian Homoskedastisiti Resilien..... 290
Rajah 4.3	Model Pengukuran 295
Rajah 4.4	Model Struktural 305
Rajah 4.5	Subtema Daya Tindak Positif 327
Rajah 4.6	Subtema Daya Tindak Negatif 330
Rajah 4.7	Pengaruh Faktor Daya Tindak 331

Rajah 4.8	Subtema Kepercayaan Kognitif	336
Rajah 4.9	Subtema Penilaian Kognitif	340
Rajah 4.10	Subtema Kawalan Kognitif.....	344
Rajah 4.11	Pengaruh Regulasi Kognitif	345
Rajah 4.12	Subtema Kepercayaan Diri	351
Rajah 4.13	Pengaruh Kepercayaan Diri	352
Rajah 4.14	Rangkaian Tematik (Thematic Themes Network) Kajian Resilien.....	355
Rajah 5.1	Model Resilien Remaja Juvana STB	411

SENARAI SINGKATAN

ARS	<i>Adolescent Resilience Scale</i>
AVE	<i>Average Variance Extracted</i>
CB-SEM	<i>Co-Variance-Based-Structural Equation Modelling</i>
CFA	<i>Confirmatory Factor Analysis</i>
ERQ	<i>Emotion Regulation Questionnaire</i>
f ²	Saiz Kesan Ketepatan Peramalan
GSES	<i>General Self-Efficacy Scale</i>
HTMT	<i>Heterotrait-Monotrait</i>
JEPeM	Jawatankuasa Etika Penyelidikan (Manusia)
KMO	<i>Kaiser-Meyer-Olkin</i>
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KPWKM	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
PLS-SEM	<i>Partial Least Square Structural Equation Modelling</i>
Q ²	Kerelevanan Peramalan
q ²	Saiz Kesan Kerelevanan Peramalan
STB	Sekolah Tunas Bakti
R ²	Ketepatan Peramalan
RFQ	<i>Regulatory Focus Questionnaire</i>
SEM	<i>Structural Equation Modelling</i>
VB-SEM	<i>Variance-Based-Structural Equation Modelling</i>
VIF	<i>Variance Inflation Factor</i>

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN A	Borang Penilaian Pakar
LAMPIRAN B	Soal Selidik Kajian Rintis
LAMPIRAN C	Soal Selidik Kajian Sebenar
LAMPIRAN D	Kebenaran menggunakan ARS
LAMPIRAN E	Kebenaran menggunakan ERQ
LAMPIRAN F	Kebenaran menggunakan MCQ
LAMPIRAN G	Kebenaran menggunakan GSES
LAMPIRAN H	Kebenaran menggunakan RFQ
LAMPIRAN I	Pengesahan Pelajar USM
LAMPIRAN J	Kebenaran Menjalankan Kajian di JKM
LAMPIRAN K	Kelulusan Etika Penyelidikan
LAMPIRAN L	Senarai Pakar
LAMPIRAN L1	Senarai Pakar Kesahan Kandungan Soal Selidik
LAMPIRAN L2	Senarai Pakar Kajian Kualitatif
LAMPIRAN L3	Senarai Pakar Bahasa
LAMPIRAN M	Pengiraan Content Validation Index S-CVI dan I-CVI
LAMPIRAN N	Pengesahan Pakar
LAMPIRAN N1	Pengesahan Pakar Bahasa
LAMPIRAN N2	Pengesahan Pakar Kandungan Instrumen
LAMPIRAN N3	Pengesahan Pakar Kualitatif
LAMPIRAN N4	Pengesahan Pakar Soalan Temu Bual
LAMPIRAN N5	Pengesahan Pakar Pengekodan Data Temu Bual
LAMPIRAN O	Borang Penilaian Pakar Kualitatif
LAMPIRAN P	Pengekodan Data Temu Bual
LAMPIRAN Q	Analisis Kajian Rintis

LAMPIRAN R	Analisis Data Terpencil
LAMPIRAN S	Ujian Normaliti SPSS
LAMPIRAN T	Ujian Multikolineariti
LAMPIRAN U	Korelasi Antara Variabel
LAMPIRAN V	Analisis PLS-SEM Kajian Sebenar

**PENGARUH FAKTOR DALAMAN TERHADAP
RESILIEN DENGAN FOKUS REGULASI SEBAGAI MEDIATOR
DALAM KALANGAN REMAJA JUVANA**

ABSTRAK

Remaja juvana mempunyai peluang yang tinggi untuk membina resilien berdasarkan faktor-faktor pelindung yang terdapat di pusat pemulihan. Kajian resilien yang sedia ada lebih tertumpu kepada faktor pelindung melibatkan aspek luaran individu seperti persekitaran. Namun begitu, terdapat segelintir pengkaji dalam kajian resilien memberikan tumpuan kepada aspek dalaman individu. Terdapat jurang dalam mengkaji variabel-variabel aspek dalaman individu yang mempengaruhi resilien. Oleh itu, kajian menguji pengaruh aspek dalaman iaitu dimensi regulasi emosi (yang diwakili dimensi strategi penilaian semula dan strategi pemendaman perasaan), dimensi kepercayaan metakognitif (yang diwakili dimensi kepercayaan metakognitif positif, kepercayaan metakognitif negatif, kepercayaan metakognitif keyakinan kognitif, kepercayaan keperluan kawalan pemikiran dan kepercayaan metakognitif kesedaran sendiri kognitif), efikasi sendiri dan fokus regulasi (fokus promosi dan fokus prevensi) terhadap resilien remaja juvana Sekolah Tunas Bakti (STB). Kajian dilaksanakan berdasarkan gabungan beberapa teori kognitif daripada perspektif Islam dan Barat. Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan campuran (*mix-method*) iaitu pendekatan kuantitatif dan kualitatif. Bahagian kuantitatif melibatkan lima instrumen iaitu Skala Resilien Remaja, Soal Selidik Regulasi Emosi, Soal Selidik Metakognisi, Skala Efikasi Kendiri Umum dan Soal Selidik Fokus Regulasi manakala bahagian kualitatif menggunakan protokol temu bual separa berstruktur. Sampel kajian terdiri

daripada 313 remaja juvana STB yang dipilih melalui pensampelan berkelompok. Data kajian dianalisis menggunakan *Partial Least Squares Structural Equation Modelling* (PLS-SEM) berbantuan perisian SmartPLS 3.0 manakala kaedah kualitatif menggunakan teknik analisis rangkaian tematik. Dapatan kajian menunjukkan strategi penilaian semula, kepercayaan metakognitif kesedaran sendiri kognitif dan efikasi sendiri mempengaruhi resilien remaja juvana STB. Analisis juga menunjukkan fokus promosi berperanan sebagai mediator bagi pengaruh antara strategi penilaian semula, kepercayaan metakognitif kesedaran sendiri kognitif, dan efikasi sendiri terhadap resilien. Walau bagaimanapun, fokus prevensi tidak dapat diuji peranannya sebagai mediator dalam kajian ini. Dapatan kualitatif pula menjelaskan fenomena yang berlaku dalam inferensi kuantitatif. Secara tuntas, aspek dalaman memainkan peranan penting kepada remaja juvana untuk bangkit semula atau bersedia untuk dipulihkan. Kecenderungan individu dalam melakukan regulasi akan menentukan pemikiran, mencetuskan daya tindak dan menimbulkan kepercayaan kepada remaja juvana STB untuk berhadapan dengan persekitaran kehidupan.

**THE INFLUENCE OF INTERNAL FACTORS TOWARDS
RESILIENCE WITH REGULATORY FOCUS AS A MEDIATOR
AMONG JUVENILE ADOLESCENTS**

ABSTRACT

Juvenile adolescents have great opportunities to build resilience as there are certain protective factors available at the rehabilitation centres. Existing research on resilience mostly focus on individuals' external protective factors like environment. Nevertheless, there are a few researchers in the area of resilience who pay attention to the individuals' internal aspects. Gaps are identified in examining variables related to individuals' internal aspects which influence resilience. Therefore, this research examined the influences of internal aspects which include emotion regulation dimension (which is represented by the dimensions of reappraisal strategy and suppression strategy), metacognitive beliefs dimension (which is represented by the dimensions of positive metacognitive belief, negative metacognitive belief, cognitive confidence metacognitive beliefs, beliefs of thought control needs, and cognitive self-conscious metacognitive beliefs) self-efficacy and regulation focus (promotion focus and prevention focus) on resilience among juvenile adolescents of Sekolah Tunas Bakti (STB). The research was conducted based on the combination of several cognitive theories—both from Islamic and western perspectives. This research employed a mixed method approach, combining both the quantitative and the qualitative strategies. The quantitative part comprised five instruments namely *Skala Resilien Remaja* (Adolescent Resilience Scale), *Soal Selidik Regulasi Emosi* (Emotion Regulation Questionnaire), *Soal Selidik Metakognisi* (Metacognition Questionnaire),

Skala Efikasi Kendiri Umum (General Self-Efficacy Scale) and *Soal Selidik Fokus Regulasi* (Regulation Focus Questionnaire) while the qualitative part utilised a semi-structured interview protocol. The research sample involved 313 STB juvenile adolescents who were selected through cluster sampling. Research data were analysed using Partial Least Squares Structural Equation Modelling (PLS-SEM) with the aid of SmartPLS 3.0 Software. Meanwhile, the qualitative data were analysed using thematic analysis technique. Results showed that reappraisal strategy, cognitive self-conscious metacognitive beliefs and self-efficacy influence STB juvenile adolescents' resilience. The analysis also indicated that promotion focus plays the role as a mediator in the influence of reappraisal strategy, cognitive self-conscious metacognitive beliefs and self-efficacy on resilience. However, the role of prevention focus as a mediator was not able to be studied in this research. The qualitative findings were complementary to the quantitative inferences as they explained such phenomena. In summary, internal aspects play crucial roles towards juvenile adolescents to 'bounce back' or to be ready to get treated. The tendency of an individual in exercising regulation predicts the individual's thinking, hence motivates actions and beliefs amongst STB juvenile adolescents to face through life environment.

BAB 1

Pengenalan

1.1 Pendahuluan

Aspek resilien atau daya tahan telah ditekankan sebagai aspek yang penting untuk mencapai negara maju menjelang 2020. Sehubungan dengan itu, Dasar Wawasan Negara telah menekankan kepentingan resilien atau daya tahan dalam objektif pertama dasar tersebut. Antara kandungan objektif Dasar Wawasan Negara yang memberi penekanan aspek resilien adalah seperti berikut:

“membina negara bangsa yang berdaya tahan dengan memupuk perpaduan, menyemarakkan semangat patriotik, membentuk kematangan politik, membina masyarakat supaya lebih bertolak ansur dan penyayang yang tersemat dengan nilai positif serta meningkatkan kualiti hidup dan keutuhan ekonomi”

(Jabatan Perdana Menteri, 2001:ms.10)

Oleh itu, bagi meningkatkan kualiti pendidikan terhadap semua golongan, Kementerian Pendidikan Malaysia telah melakukan transformasi pendidikan dengan menggubal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Berpandukan Falsafah Pendidikan Negara, pelan tersebut telah menekankan enam aspek aspirasi murid untuk bersaing di peringkat global melibatkan pengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian, dan identiti nasional (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Dalam konteks kepimpinan, unsur resilien atau daya tahan telah dijadikan sebagai salah satu unsur yang penting bagi kemahiran memimpin

(Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Hal ini menunjukkan bahawa resilien mempunyai kepentingan yang jelas sebagai indikator kualiti pendidikan.

Isu yang sering dikaitkan dengan kualiti pendidikan ialah keupayaan pendidikan dalam melahirkan murid yang bersahsiah tinggi seperti yang termaktub dalam Falsafah Pendidikan Negara. Walau bagaimanapun, arus globalisasi mutakhir ini, telah menyebabkan golongan remaja terdedah kepada pelbagai risiko kehidupan yang boleh melemahkan keupayaan individu untuk mencapai resilien dalam diri. Fenomena ini khususnya kepada mereka yang terjebak dengan masalah juvana. Kajian lalu menunjukkan resilien berpotensi membantu remaja bangkit kembali daripada kehidupan yang berisiko (Masten & Coatsworth, 1998; Hurd, & Zimmerman, 2010; Azlina Abu Bakar, 2012; Noraini M. Noor & Azlin Alwi, 2013), berfungsi sebagai penahan terhadap tekanan (Smith-Osborne, 2007) dan membantu remaja melakukan penyesuaian positif (Wright, Masten & Narayan, 2013). Pengkaji Barat juga mengesyorkan resilien sebagai konstruk yang dapat membantu remaja daripada melakukan pengulangan jenayah (Efta-Breitbach & Freeman, 2004). Ng, Ang dan Ho (2012) berpendapat resilien merupakan aspek yang boleh diajar kepada remaja. Hal ini jelas menunjukkan bahawa resilien merupakan aspek yang penting kepada remaja juvana.

Dengan itu, para sarjana Barat berpendapat bahawa terdapat peranan faktor pelindung dalam pembinaan resilien individu (Masten, 2001; Rutter, 1990). Sesetengah pengkaji melihat faktor pelindung seperti faktor keluarga dan persekitaran dapat mengurangkan kesan negatif daripada kesukaran dialami (Masteen & Reeds, 2002). Berdasarkan model resilien Kumpfer (1999), terdapat beberapa aspek dalaman

yang dikenal pasti sebagai faktor pelindung terhadap resilien antaranya emosi dan spiritual. Gunnestad (2006) pula dalam modelnya menjelaskan aspek dalaman seperti aspek intelek sebagai faktor pelindung. Kedua-dua model tersebut menjelaskan aspek dalaman sebagai faktor yang menyumbang kepada pembentukan resilien individu. Oleh itu, faktor pelindung dari aspek dalaman dilihat berperanan dalam pembentukan resilien remaja juvana STB.

Sehubungan dengan itu, kajian yang dijalankan mengkaji aspek dalaman dalam menjelaskan pembentukan resilien remaja juvana STB. Aspek dalaman pertama yang dikaji ialah dimensi regulasi emosi. Kajian-kajian lalu menunjukkan bahawa keupayaan individu dalam menggunakan regulasi emosi membawa kepada tahap resilien yang berbeza. Individu yang mempunyai kemahiran regulasi emosi yang baik adalah cekap dalam menguruskan emosi mereka (Buckner, Mezzacappa & Beardslee, 2003). Sebaliknya, individu yang lemah dalam regulasi emosi akan membawa kepada masalah tingkah laku (Gross, 1998; Shaw, Keenan, Vondra, Delliquadri, & Giovannelli, 1997). Hal ini jelas menunjukkan bahawa regulasi emosi merupakan aspek dalaman dilihat berperanan dalam pembentukan resilien.

Aspek dalaman kedua yang dikaji ialah dimensi kepercayaan metakognitif. Para pengkaji lalu melihat aspek kepercayaan metakognitif sebagai kepercayaan individu dalam melakukan regulasi terhadap pemikiran dan tindakannya (Wells & Cartwright-Hatton, 2004). Terdapat juga pengkaji Barat melihat kepercayaan metakognitif sebagai aspek penting kepada individu dalam membuat penaaakulan dan membuat keputusan (Haynie et al., 2010). Dengan ini dapat dikatakan bahawa aspek

kepercayaan metakognitif dilihat berpotensi kepada individu dalam melakukan penyesuaian terhadap persekitaran yang dihadapi.

Seterusnya, aspek dalaman ketiga ialah efikasi sendiri. Bandura (1997) menjelaskan efikasi sendiri sebagai kepercayaan individu terhadap dirinya sendiri. Kajian-kajian lalu menunjukkan bahawa individu yang mempunyai efikasi sendiri berupaya menjadikan ancaman sebagai cabaran (Luszczynska et al., 2005). Individu yang tinggi dalam efikasi sendiri juga cenderung mempunyai ketabahan ketika melalui kesusahan (Bandura, 1997). Hal ini bermakna efikasi sendiri dilihat memainkan peranan kepada pembentukan resilien remaja juvana STB.

Sementara itu, aspek dalaman keempat ialah fokus regulasi. Higgins (1997) menjelaskan fokus regulasi sebagai kecenderungan tingkah laku individu. Teori Fokus Regulasi (Higgins, 1997,1998) mengusulkan bahawa individu mempunyai dua kecenderungan dalam bertingkah laku iaitu fokus promosi dan fokus prevensi. Perbezaan kecenderungan fokus regulasi oleh remaja juvana dilihat membawa kepada penggunaan strategi yang berbeza dalam melakukan regulasi dalaman. Dengan itu, fokus regulasi dilihat berpotensi dalam mempengaruhi resilien remaja juvana STB.

Berdasarkan penjelasan ringkas tentang variabel-variabel dalam kajian, dapat dikatakan bahawa kajian ini membuka ruang dalam bidang psikologi pendidikan untuk meneliti dengan lebih mendalam variabel-variabel berkaitan aspek dalaman individu seperti dimensi regulasi emosi, dimensi kepercayaan metakognitif, efikasi sendiri dan fokus regulasi. Kesemua variabel tersebut diandaikan oleh kajian lalu (Tugade & Fredrickson, 2007; Vahidineko & Gahangir, 2016; Taylor & Reyes, 2012; Higgins,

1997) adalah saling berkaitan dan berhubungan dalam menterjemahkan tingkah laku individu untuk membina resilien. Oleh itu, kajian dijalankan untuk mengkaji aspek-aspek dalaman dalam menjelaskan fenomena resilien remaja juvana STB.

1.2 Latar Belakang Kajian

Sekolah Tunas Bakti (STB) merupakan sekolah pemulihan akhlak yang diselia oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan diletakkan di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2016; Abd Rahim Abd Rashid, Sufean Hussin & Che Hashim Hassan, 2006). STB menempatkan remaja yang mempunyai salah laku berusia antara 10 hingga 18 tahun. Kerajaan Malaysia telah memperuntukkan Seksyen 91 Akta Kanak-kanak 2001 bagi menghukum kanak-kanak atau remaja yang disabitkan dengan kesalahan jenayah (Anita Abdul Rahim, 2008). STB ditubuhkan bawah seksyen 65 Akta Kanak-kanak (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2016).

Kemasukan remaja juvana ke STB adalah atas perintah mahkamah di bawah Perenggan 91(1)(f) atau Seksyen 46 Akta Kanak-kanak 2001 (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2016). Tempoh pemulihan adalah selama tiga tahun seperti yang dinyatakan dalam Akta Mahkamah Jenayah 1947 tetapi boleh dibebaskan sebelum tamat tempoh dengan kelulusan Kuasa Menteri atau Lembaga Pelawat (Chiam & Chan, 2011). Terdapat Sembilan buah STB di Malaysia. Namun begitu, semasa kajian dijalankan STB Jerantut ditutup buat sementara waktu kerana kerja-kerja baik pulih. Jadual 1.1 menunjukkan senarai STB yang terdapat di Malaysia.

Jadual 1.1
Senarai Sekolah Tunas Bakti di Malaysia

Bil	Institusi
1.	STB Taiping Perak
2.	STB Kuching, Sarawak
3.	STB Telok Air Tawar
4.	STB Sungai Besi, Kuala Lumpur
5.	STB Sg.Lereh, Melaka
6.	STB Jalan Tuaran, Sabah
7.	STB Jerantut, Pahang
8.	STB Miri, Sarawak
9.	STB Marang, Terengganu

Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat (2014)

Objektif utama penubuhan STB adalah untuk mendidik kanak-kanak membina sikap positif, membentuk peribadi yang kukuh serta melengkapkan diri dengan keterampilan yang membolehkan mereka hidup berdikari dalam masyarakat (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2016). Penubuhan sekolah pemulihan akhlak seperti STB adalah sebagai landasan untuk membina semula kehidupan remaja dengan akhlak dan nilai yang baik dalam diri (Rusimah Sayuti & Kang, 2006). Dengan itu, remaja terlibat telah diberi program pemulihan yang melibatkan kemahiran dan juga pendidikan sebagai persediaan dalam kehidupan (Rusimah Sayuti & Kang, 2006; Low, Tan, Nainee, Viapude & Kailsan, 2018). Selain itu, remaja juvana di STB juga diberi peluang mengikuti kelas akademik biasa dan berpeluang menyambung pelajaran ke institusi pengajian tinggi (Low et al., 2018). Program pemulihan di STB dilihat dapat membantu remaja yang telah melakukan pelbagai masalah salah laku.

Laporan daripada pihak berwajib menunjukkan terdapat kecenderungan remaja terlibat dengan pelbagai salah laku. Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (2016),

terdapat peningkatan sebanyak 12.4 peratus dalam kesalahan jenayah berulang yang dilakukan oleh remaja (10-21 tahun) dari 371 kes (2014) kepada 417 kes pada tahun 2015. Pada tahun 2015, laporan jenayah juvana melibatkan jenayah bersabit harta benda (36%), bersabit dengan orang (13.4%), akta kesalahan kecil (1.7%), melanggar syarat pengawasan (0.1%), penyalahgunaan dadah (29.7%), judi (1.5%), senjata dan bahan api (0.9%), lalu lintas (3.5%), lari dari sekolah pemulihan akhlak (0.4%) dan lain-lain (12.8%).

Sementara itu, laporan Agensi Dadah Kebangsaan, Kementerian Dalam Negeri bagi tahun 2017 pula menunjukkan bahawa remaja terlibat dengan dadah dikesan pada umur 13 hingga 15 tahun iaitu sebanyak 72 kes, manakala pada umur 16 hingga 19 sebanyak 1300 kes. Laporan dari Jabatan Kebajikan Masyarakat menunjukkan kesalahan juvana melibatkan remaja ialah seramai 4569 orang pada tahun 2015 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2016). Hal ini jelas menunjukkan bahawa peningkatan remaja dalam masalah delinkuen dan tingkah laku jenayah di Malaysia adalah fenomena yang membimbangkan (Haslinda Abdullah, Adriana Ortega, Nobaya Ahmad & Syamsyihana Ghazali, 2015).

Sehubungan itu, penubuhan Sekolah Tunas Bakti dilihat jelas menunjukkan usaha untuk memulihkan remaja yang terlibat dalam masalah delinkuen. Di STB, remaja juvana dilihat mempunyai peluang yang tinggi untuk membina resilien. Hal ini berdasarkan faktor pelindung yang telah tersedia seperti mempunyai komuniti dan institusi yang selamat (Gunnestad, 2006). Selain itu, faktor risiko mereka juga terkawal kerana kurang terdedah dengan pengaruh negatif dunia luar. Oleh itu, pembentukan

resilien dalam kalangan remaja juvana STB perlulah diambil kira dalam program pemulihan.

1.3 Pernyataan Masalah

Resilien merupakan konstruk yang penting kepada remaja juvana. Individu yang resilien boleh menghadapi cabaran hidup dengan lebih baik (Rutter, 1985; Werner, 1995). Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengambil langkah dengan memasukkan elemen resilien atau daya tahan dalam aspek aspirasi murid (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012). Langkah tersebut menjadi indikasi keprihatinan kerajaan menerapkan aspek resilien dalam diri individu.

Kajian menunjukkan bahawa tahap resilien yang rendah boleh menyebabkan remaja juvana kurang berupaya untuk bertingkah laku dengan baik (Fougere, Daffern & Thomas, 2015). Selain itu, mereka juga cenderung mempunyai masalah mental dan kurang berupaya mewujudkan hubungan positif dengan masyarakat sekeliling (Born, Chevalier & Humblet, 1997). Dianggarkan kira-kira 40 peratus hingga 80 peratus remaja juvana sekurang-kurangnya mempunyai satu masalah kecelaruan mental (Teplin, Abram, McClelland, Dulcan & Mericle, 2002; Collins et al., 2010; Gilbert, Grande, Hallman & Underwood, 2015). Kajian meta analisis terhadap 25 kajian psikiatrik mendapati remaja juvana mengalami masalah kecelaruan psikologikal seperti penyakit psikosis, gangguan kemurungan dan gangguan tingkah laku (Fazel, Doll & Langstrom, 2008). Dapatan menunjukkan kira-kira tiga peratus juvana dalam tahanan mengalami penyakit psikosis manakala kemurungan pula kira-kira 29 peratus bagi remaja perempuan dan 11 peratus bagi remaja lelaki (Fazel et al., 2008).

Di Malaysia, kajian melibatkan remaja juvana menunjukkan terdapat peningkatan pengulang laku jenayah (Nadziah Ahmad, Abdul Ghafur Hamid & Saodah Wok, 2016) dan mudah terdedah kepada gangguan psikiatri (Aida et al., 2014). Hasil kajian lalu juga menunjukkan lebih 50 peratus remaja juvana terdedah kepada masalah kemurungan dan lebih 40 peratus mengalami kebimbangan (Siti Raudzah Ghazali, Yoke & Hafizah Abdul Aziz, 2017). Tinjauan awal melalui temu bual terhadap enam orang remaja juvana STB pada 17 November 2017 juga didapati mereka mempunyai masalah kecelaruan psikologikal. Fenomena ini memberi gambaran bahawa masalah dalaman yang dihadapi akan melemahkan resilien remaja juvana.

Kajian resilien di Malaysia telah melibatkan remaja bermasalah tingkah laku seperti juvana (Arokiaraj et al., 2011), masalah dadah (Mohammad Nasir Bistaman et al., 2015) dan perlumbaan haram (Wan Shahrazad Wan Sulaiman, Fauziah Ibrahim, Asmah Bee & Ismail, 2012). Dapatan menunjukkan remaja yang bermasalah mempunyai harga sendiri, kepimpinan dan resilien yang rendah (Wan Shahrazad Wan Sulaiman et al., 2012). Hal ini menunjukkan bahawa remaja bermasalah mempunyai tahap resilien yang rendah. Oleh itu, dapat dikatakan bahawa tahap resilien yang rendah akan memberi impak negatif dan menghalang proses pemulihan remaja juvana ke arah tingkah laku normal.

Kajian-kajian dalam bidang resilien yang telah dijalankan berpandukan model tertentu memberi fokus kepada faktor-faktor yang menyumbang kepada resilien khususnya melibatkan faktor dalaman dan juga luaran individu. Walau bagaimanapun, kajian resilien di Malaysia lebih menumpukan aspek faktor luaran

seperti perhubungan ibu bapa (Mariani Mansor, 2004) dan faktor hubungan rapat dengan guru (Chee, 2011). Begitu juga kajian di Barat penumpuan diberikan kepada faktor budaya dan komuniti (Ungar & Liebenberg, 2013), faktor rakan sebaya dan juga ibu bapa (Jain, Buka, Subramaniam & Molnar, 2012). Pada masa yang sama pengkaji seperti Kumpfer (1999) mengusulkan faktor dalaman dapat mempengaruhi pembentukan resilien individu. Aspek dalaman melibatkan faktor kognitif dan emosi dilihat berupaya menjelaskan proses resilien individu (Kumpfer, 1999). Oleh itu, kajian yang dijalankan mengambil kira peranan aspek faktor dalaman individu bagi menjelaskan pembentukan resilien remaja juvana.

Berdasarkan kajian-kajian resilien, terdapat beberapa variabel yang dapat dikaitkan dengan aspek dalaman individu seperti regulasi emosi, kepercayaan metakognitif dan efikasi sendiri. Kajian-kajian sedia ada telah menghubungkan aspek regulasi emosi (Mestre, Núñez-lozano, Gómez-Molinero & Zayas, 2017; Min, Jin, Lee & Chae, 2013), kepercayaan metakognitif (Vahidineko & Gahangir, 2016) dan efikasi sendiri (Yendork & Somhlaba, 2015; Wang, Tao, Bowers, Brown & Zhang, 2017) terhadap resilien. Walau bagaimanapun, variabel-variabel tersebut dikaji secara berasingan. Model psikologi Islam seperti model Personaliti dan Kognisi Islam (Mohd. Daud Hamzah & Abdul Kadir Ariffin, 2001) telah melihat perkembangan manusia berlaku secara holistik yang melibatkan unsur-unsur dalaman. Model dari perspektif Islam tersebut juga mengandaikan proses dalaman individu tidak bergantung kepada satu variabel tertentu sahaja. Dengan itu, pemilihan aspek dalaman melibatkan variabel-variabel kajian iaitu regulasi emosi, kepercayaan metakognitif dan efikasi sendiri dilihat dapat menjelaskan proses pembentukan resilien remaja juvana.

Di samping itu, kajian-kajian resilien juga mengambil kira aspek perbezaan individu. Aspek perbezaan individu memainkan peranan penting dalam proses-proses psikologi dalam diri individu seperti aspek pemprosesan maklumat dan motivasi. Teori Fokus Regulasi (Higgins, 1997) telah mengusulkan individu berbeza dari aspek fokus regulasi mereka sama ada fokus promosi atau fokus prevensi. Hal ini memberi gambaran bahawa keupayaan membina resilien dapat dikaitkan dengan fokus regulasi individu. Kajian perbezaan individu resilien sedia ada lebih berfokus kepada reka bentuk kajian eksperimental melibatkan aspek personaliti (Waugh, Fredrickson & Taylor, 2008) dan elemen tingkah laku neuro (*neurobehavioral elements*) (Lin et al., 2014). Walau bagaimanapun, kajian aspek perbezaan individu dalam resilien melibatkan aspek fokus regulasi belum menjadi tumpuan para pengkaji. Oleh itu, aspek perbezaan individu perlu dilakukan untuk meneroka resilien berdasarkan perbezaan kecenderungan fokus regulasi yang dimiliki oleh remaja juvana.

Kajian-kajian lepas juga menunjukkan bahawa fokus regulasi mempunyai perkaitan dengan pendekatan yang digunakan oleh individu untuk mencapai matlamat kehidupan (Appelt & Higgins, 2010; Pham & Chang, 2010; Lanaj, Chang, & Johnson, 2012). Johnson, Shull dan Wallace (2011) mencadangkan fokus regulasi sebagai konstruk mediator yang penting dalam menjelaskan hubungan antara matlamat dengan pencapaian individu. Hal ini juga selari dengan saranan pengkaji terdahulu yang melihat fokus regulasi berperanan sebagai mediator dalam kajian berkait dengan pencapaian (Kanfer & Heggstad, 1997). Dengan itu, pengkaji melihat fokus regulasi berpotensi dijadikan sebagai mediator dalam menjelaskan peranan aspek dalaman individu berkait dengan resilien.

Seterusnya, kajian-kajian lalu juga telah menghasilkan model dalam menjelaskan pembentukan resilien. Walau bagaimanapun, model yang dihasilkan lebih tertumpu kepada faktor luaran seperti faktor sokongan ibu bapa (Tian, Liu & Shan, 2018) dan juga rakan sebaya (Cherewick, Tol, Burnham, Doocy & Glass, 2016). Hal ini memberi pemahaman bahawa individu yang resilien dikawal oleh faktor luaran. Teori dari perspektif Islam seperti Teori Kognitif Ad-Din (Othman Mohamed, 2005) telah menawarkan penjelasan yang lebih baik menekankan aspek dalaman individu dalam mengawal persekitaran. Fenomena tersebut menjelaskan bahawa individu berkuasa mengawal persekitarannya sama ada akan membawanya ke arah resilien atau sebaliknya. Dengan itu, model kajian yang dicadangkan memberi fokus kepada aspek dalaman individu bagi menjelaskan pembentukan resilien remaja juvana. Model kajian juga mengambil kira perbezaan individu, bersifat holistik, lebih lengkap berasaskan variabel-variabel yang dikaji dan sesuai dengan fenomena remaja juvana di Malaysia.

Secara tuntasnya, kajian-kajian lalu membentuk pernyataan masalah sebagai asas pelaksanaan kajian. Beberapa hujah pernyataan masalah telah dikemukakan iaitu melibatkan aspek faktor, variabel, perbezaan individu dan juga model kajian. Dari semua perspektif tersebut menyokong keperluan untuk mengkaji resilien remaja juvana di STB melibatkan regulasi emosi, kepercayaan metakognitif serta efikasi sendiri terhadap resilien. Variabel mediator iaitu fokus regulasi juga penting untuk dikaji dalam menjelaskan peranannya terhadap resilien remaja juvana STB.

1.4 Objektif Kajian

Berdasarkan pernyataan masalah kajian, lima objektif kajian telah dibentuk.

1. Mengkaji sama ada dimensi regulasi emosi, dimensi kepercayaan metakognitif dan efikasi sendiri mempunyai pengaruh yang signifikan kepada fokus regulasi dalam kalangan remaja juvana STB.
2. Mengkaji sama ada dimensi regulasi emosi, dimensi kepercayaan metakognitif dan efikasi sendiri mempunyai pengaruh yang signifikan kepada resilien dalam kalangan remaja juvana STB.
3. Mengkaji sama ada fokus regulasi mempunyai pengaruh yang signifikan kepada resilien dalam kalangan remaja juvana STB.
4. Mengkaji fokus regulasi sebagai mediator hubungan antara dimensi regulasi emosi, dimensi kepercayaan metakognitif dan efikasi sendiri dengan resilien remaja juvana STB.
5. Meneroka aspek dimensi regulasi emosi, dimensi kepercayaan metakognitif dan efikasi sendiri dalam mempengaruhi fokus regulasi dan resilien remaja juvana STB.

1.5 Soalan Kajian

- 1.5.1 Adakah dimensi regulasi emosi mempunyai pengaruh kepada fokus regulasi dalam kalangan remaja juvana juvana STB?
 - 1.5.1(a) Adakah strategi penilaian semula mempunyai pengaruh terhadap fokus promosi dalam kalangan remaja juvana STB?
 - 1.5.1(b) Adakah strategi pemendaman perasaan mempunyai pengaruh terhadap fokus prevensi dalam kalangan remaja juvana STB?

- 1.5.2 Adakah dimensi kepercayaan metakognitif mempunyai pengaruh kepada fokus regulasi dalam kalangan remaja juvana STB?
- 1.5.2 (a) Adakah kepercayaan metakognitif positif mempunyai pengaruh terhadap fokus promosi dalam kalangan remaja juvana STB?
- 1.5.2 (b) Adakah kepercayaan metakognitif negatif mempunyai pengaruh terhadap fokus prevensi dalam kalangan remaja juvana STB?
- 1.5.2 (c) Adakah kepercayaan metakognitif keyakinan kognitif mempunyai pengaruh terhadap fokus prevensi dalam kalangan remaja juvana STB?
- 1.5.2 (d) Adakah kepercayaan metakognitif keperluan kawalan pemikiran mempunyai pengaruh terhadap fokus prevensi dalam kalangan remaja juvana STB?
- 1.5.2 (e) Adakah kepercayaan metakognitif kesedaran sendiri kognitif mempunyai pengaruh terhadap fokus promosi dalam kalangan remaja juvana STB?
- 1.5.3 Adakah efikasi sendiri mempunyai pengaruh kepada fokus promosi dalam kalangan remaja juvana STB?
- 1.5.4 Adakah dimensi regulasi emosi mempunyai pengaruh kepada resilien dalam kalangan remaja juvana STB?
- 1.5.4 (a) Adakah strategi penilaian semula mempunyai pengaruh terhadap resilien dalam kalangan remaja juvana STB?
- 1.5.4 (b) Adakah strategi pemendaman perasaan mempunyai pengaruh terhadap resilien dalam kalangan remaja juvana STB?
- 1.5.5 Adakah dimensi kepercayaan metakognitif mempunyai pengaruh kepada resilien dalam kalangan remaja juvana STB?

- 1.5.5 (a) Adakah kepercayaan metakognitif positif mempunyai pengaruh terhadap resilien dalam kalangan remaja juvana STB?
- 1.5.5 (b) Adakah kepercayaan metakognitif negatif mempunyai pengaruh terhadap resilien dalam kalangan remaja juvana STB?
- 1.5.5 (c) Adakah kepercayaan metakognitif keyakinan kognitif mempunyai pengaruh terhadap resilien dalam kalangan remaja juvana STB?
- 1.5.5 (d) Adakah kepercayaan metakognitif kawalan pemikiran mempunyai pengaruh terhadap resilien dalam kalangan remaja juvana STB?
- 1.5.5 (e) Adakah kepercayaan metakognitif kesedaran sendiri kognitif mempunyai pengaruh terhadap resilien dalam kalangan remaja juvana STB?
- 1.5.6 Adakah efikasi sendiri mempunyai pengaruh terhadap resilien dalam kalangan remaja juvana STB?
- 1.5.7 Adakah fokus regulasi mempunyai pengaruh kepada resilien dalam kalangan remaja juvana STB?
- 15.4 (a) Adakah fokus promosi mempunyai pengaruh kepada resilien dalam kalangan remaja juvana STB?
- 1.5.4 (b) Adakah fokus prevensi mempunyai pengaruh kepada resilien dalam kalangan remaja juvana STB?
- 1.5.8 Adakah fokus regulasi menjadi mediator hubungan antara dimensi regulasi emosi dengan resilien remaja juvana STB?
- 1.5.8 (a) Adakah fokus promosi menjadi mediator hubungan antara strategi penilaian semula dengan resilien remaja juvana STB?
- 1.5.8 (b) Adakah fokus prevensi menjadi mediator hubungan antara strategi pemendaman perasaan dengan resilien remaja juvana STB?

- 1.5.9 Adakah fokus regulasi menjadi mediator hubungan antara dimensi kepercayaan metakognitif dengan resilien remaja juvana STB?
- 1.5.9 (a) Adakah fokus promosi menjadi mediator hubungan antara kepercayaan metakognitif positif dengan resilien remaja juvana STB?
- 1.5.9 (b) Adakah fokus prevensi menjadi mediator hubungan antara kepercayaan metakognitif negatif dengan resilien remaja juvana STB?
- 1.5.9 (c) Adakah fokus prevensi menjadi mediator hubungan antara kepercayaan metakognitif keyakinan kognitif dengan resilien remaja juvana STB?
- 1.5.9 (d) Adakah fokus prevensi menjadi mediator hubungan antara kepercayaan metakognitif keperluan kawalan pemikiran dengan resilien remaja juvana STB?
- 1.5.9 (e) Adakah fokus promosi menjadi mediator hubungan antara kepercayaan metakognitif kesedaran sendiri kognitif dengan resilien remaja juvana STB?
- 1.5.10 Adakah fokus promosi menjadi mediator hubungan antara efikasi sendiri dengan resilien remaja juvana STB?
- 1.5.11 Bagaimanakah dimensi regulasi emosi, dimensi kepercayaan metakognitif dan efikasi sendiri dapat mempengaruhi fokus regulasi dan resilien remaja juvana STB?

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini mengkaji dimensi regulasi emosi (penilaian semula, pemendaman perasaan), dimensi kepercayaan metakognitif (kepercayaan metakognitif positif, kepercayaan metakognitif negatif, kepercayaan metakognitif keyakinan kognitif, kepercayaan metakognitif keperluan kawalan pemikiran dan kepercayaan metakognitif kesedaran sendiri kognitif), efikasi sendiri, fokus regulasi (fokus promosi dan fokus prevensi) dan resilien remaja juvana STB. Dapatan kajian boleh menyumbang pengetahuan baharu kepada pihak STB terutama bahagian Unit Bimbingan dan Kaunseling untuk merangka program intervensi bagi meningkatkan resilien dalam kalangan remaja terbabit.

Bagi pembuat polisi, kajian ini dapat menyalurkan maklumat yang berguna bagi menentukan hasil pendidikan kepada kumpulan remaja yang berisiko. Faktor-faktor kekuatan dalaman dari segi kognitif dan emosi dapat diperkukuh untuk melahirkan remaja yang resilien. Oleh itu, langkah memperkasa resilien remaja terutama remaja juvana STB dapat dijadikan agenda penting dalam melaksanakan inovasi pendidikan negara.

Kajian ini juga dapat memberi maklumat yang penting kepada ibu bapa dan masyarakat tentang kepentingan memberi perhatian kepada elemen-elemen psikologi yang terlibat dalam pembentukan resilien dalam diri anak-anak. Hal ini terutama anak-anak yang terjebak dengan tingkah laku yang negatif supaya mereka kuat dan berupaya untuk bangkit kembali daripada situasi yang berisiko.

Dari segi psikologi pendidikan, kajian ini dapat memberi gambaran betapa pentingnya keupayaan kognitif dan emosi sebagai sumber kekuatan dalaman yang membawa kepada tingkah laku individu. Kekuatan dalaman tersebut perlu diberi perhatian agar dapat meningkatkan tingkah laku yang positif dalam diri remaja juvana STB. Secara keseluruhannya, pengetahuan tentang resilien dan faktor-faktor yang mempengaruhinya sangat membantu pihak STB, JKM, dan KPWKM dalam memperkukuh resilien remaja juvana. Oleh itu, sumbangan kajian ini dapat diaplikasikan dalam program-program pemulihan di STB.

1.7 Batasan Kajian

Terdapat beberapa batasan kajian yang dijalankan dalam kajian ini. Antara batasan tersebut adalah seperti berikut;

1. Kajian ini melibatkan remaja juvana STB yang sedang mengikuti program pemulihan di STB terpilih sahaja di Semenanjung Malaysia. Kajian tidak melibatkan institusi juvana yang lain seperti Sekolah Henry Gurney, Sekolah Integriti dan Asrama Pemulihan Akhlak. Oleh itu, aspek tempat dan responden kajian yang terlibat adalah terbatas. Dapatan dan rumusan daripada kajian ini juga terbatas dan tidak dapat digeneralisasi kepada populasi lain selain sekolah yang dikaji.
2. Kajian ini hanya melibatkan remaja juvana STB terpilih yang beragama Islam sahaja kerana teori dan model yang dipilih iaitu Teori Kognitif Ad-Din (Othman Mohamed, 2005) dan Model Personaliti dan Kognisi Islam (Mohd. Daud Hamzah & Abdul Kadir Ariffin, 2001) untuk melihat dari perspektif Islam.

3. Skop kajian ini adalah untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi resilien remaja juvana STB dari aspek dalaman. Aspek kajian tidak melibatkan faktor demografi seperti umur, jantina dan tahap pendidikan. Oleh itu, aspek kajian hanya menumpukan kepada aspek dalaman yang mempengaruhi resilien remaja juvana STB.
4. Fokus kajian hanya melibatkan variabel-variabel yang dikaji sahaja iaitu dimensi regulasi emosi (penilaian semula, pemendaman perasaan), dimensi kepercayaan metakognitif (kepercayaan metakognitif positif, kepercayaan metakognitif negatif, kepercayaan metakognitif keyakinan kognitif, kepercayaan metakognitif keperluan kawalan pemikiran dan kepercayaan metakognitif kesedaran sendiri kognitif), efikasi sendiri, fokus regulasi (fokus promosi dan fokus prevensi) dan resilien. Oleh itu, variabel-variabel yang dikaji adalah terhadap kepada perspektif remaja juvana STB yang terlibat.
5. Seterusnya, kajian ini menggunakan instrumen soal selidik dan juga temu bual berstruktur. Dengan menggunakan soal selidik, pengkaji hanya mampu beranggapan bahawa responden kajian membaca dan memahami semua item yang dikemukakan dalam soal selidik tersebut. Selain itu, dapatan kajian ini juga bergantung kepada kejujuran responden dalam memberikan respons terhadap soal selidik dan temu bual berstruktur.

1.8 Definisi Istilah

Istilah-istilah penting dalam kajian yang dijalankan ini ditafsirkan bagi memudahkan pemahaman terhadap konstruk-konstruk kajian.

1.8.1 Resilien

Resilien telah dijelaskan sebagai sebagai proses dinamik yang merangkumi proses penyesuaian positif individu dalam konteks kesukaran kehidupan (Luthar, Cicchetti & Becker, 2000). Masten, Best dan Garmezy (1990) telah mentakrifkan resilien sebagai proses, kapasiti, atau hasil daripada penyesuaian yang berjaya walaupun dalam keadaan lingkungan mencabar atau terancam.

Dalam kajian ini, resilien merujuk kepada keupayaan remaja juvana STB menggunakan regulasi emosi, melakukan pencarian sesuatu yang baharu dan orientasi yang positif terhadap masa depan setelah terdedah kepada peristiwa negatif dalam kehidupan. Resilien diukur dengan menggunakan Skala Resilien Remaja (*Adolescent Resilience Scale, ARS*) (Oshio, Nakaya, Kaneko, & Nagamine, 2003).

1.8.2 Faktor Dalaman

Faktor dalaman merujuk kepada ciri-ciri atau kualiti khusus yang ada pada individu (Johnson, 2011). Dalam kajian ini faktor dalaman merujuk kepada aspek dalaman individu yang melibatkan regulasi emosi, kepercayaan metakognitif, efikasi sendiri dan fokus regulasi. Berikut dijelaskan definisi istilah faktor-faktor dalaman tersebut.

1.8.2(a) Regulasi Emosi

Regulasi emosi merupakan serangkaian proses yang pelbagai dalam mengatur dan mengawal selia emosi individu (Gross & Thompson, 2007). Dalam kajian ini, regulasi emosi merujuk kepada dua strategi iaitu strategi penilaian semula (*reappraisal*) dan pemendaman perasaan (*suppression*). Gross dan John (2003) telah menjelaskan strategi penilaian semula (*reappraisal*) sebagai strategi yang mengubah makna situasi dan kesan emosi yang dihadapi. Dalam kajian ini, strategi penilaian semula merujuk kepada keupayaan remaja juvana STB mengubah makna situasi dan emosi yang dialami secara positif.

Strategi pemendaman perasaan pula merujuk kepada strategi yang digunakan oleh individu dalam menyembunyikan atau tidak menunjukkan perasaan yang dialami (Gross & Levenson, 1993; Gross & John, 2003). Namun begitu dalam kajian ini, strategi pemendaman perasaan (*suppression*) merujuk kepada kecenderungan remaja juvana STB untuk menyembunyikan atau tidak menunjukkan perasaan yang dialami. Kedua-dua strategi regulasi emosi tersebut diukur dengan menggunakan Soal Selidik Regulasi Emosi (*Emotion Regulation Questionnaire, ERQ*) (Gross & John, 2003).

1.8.2(b) Kepercayaan Metakognitif

Kepercayaan metakognitif merupakan kepercayaan individu terhadap kognisinya sendiri dan tindak balas individu terhadap sistem kognitifnya (Sica, Steketee, Ghisi, Chiri, & Franceschini, 2007). Wells dan Cartwright-Hatton (2004) pula menjelaskan kepercayaan metakognitif melibatkan komponen metakognitif seperti kepercayaan positif dan negatif dalam memandu aktiviti pemikiran dan daya tindak individu.

Namun, dalam kajian ini, kepercayaan metakognitif merujuk kepada kepercayaan dalam diri yang dipegang oleh remaja juvana STB terhadap pemikiran, perasaan dan juga tindakan. Kepercayaan metakognitif diukur dengan menggunakan Soal Selidik Metakognisi (*Metaognitions Questionnaire, MCQ*) (Wells & Cartwright-Hatton, 2004). Berikut dijelaskan lima kepercayaan metakognitif yang digunakan dalam kajian ini.

(i) Kepercayaan metakognitif positif

Kepercayaan metakognitif positif ialah kepercayaan individu terhadap kepentingan perasaan bimbang dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi (Toffalini, Veltri & Cornoldi, 2015). Walau bagaimanapun, dalam konteks kajian ini, kepercayaan metakognitif positif merujuk kepada kepercayaan remaja juvana STB terhadap unsur kebimbangan yang dapat membantunya dalam melakukan sesuatu tindakan. Sebagai contoh, seseorang itu percaya dengan berasa bimbang dapat membantunya dalam menyelesaikan masalah.

(ii) Kepercayaan metakognitif negatif

Kepercayaan metakognitif negatif ialah kepercayaan individu tentang perasaan bimbang yang berfokus kepada bahaya dan ketidakupayaan mengawal pemikiran (Sica et al., 2007). Dalam kajian ini, kepercayaan metakognitif negatif merupakan kepercayaan remaja juvana STB tentang unsur kebimbangan yang boleh membahayakan dirinya. Contohnya, seseorang itu percaya perasaan bimbang akan membahayakan diri sendiri.

(iii) Kepercayaan metakognitif keyakinan kognitif

Kepercayaan metakognitif keyakinan kognitif ialah keyakinan individu terhadap kognisinya sendiri (Toffalini et al., 2015). Namun begitu, kepercayaan metakognitif keyakinan kognitif dalam kajian ini merujuk kepada

keyakinan remaja juvana STB terhadap kognisinya sendiri. Sebagai contoh, seseorang itu tidak percaya terhadap ingatannya sendiri.

(iv) Kepercayaan metakognitif keperluan kawalan pemikiran

Kepercayaan metakognitif keperluan kawalan pemikiran ialah kepercayaan individu dalam mengawal proses kognitifnya sendiri (Toffalini et al., 2015). Dalam kajian ini, kepercayaan metakognitif keperluan kawalan pemikiran merupakan kepercayaan remaja juvana STB terhadap keperluan mengawal pemikiran sendiri dan akibat yang berlakunya jika tidak berbuat demikian. Contohnya, seseorang itu merasakan dia perlu mengawal pemikirannya sendiri.

(v) Kepercayaan metakognitif kesedaran sendiri kognitif

Kepercayaan metakognitif kesedaran sendiri kognitif merupakan kepercayaan yang melibatkan tumpuan individu terhadap proses kognitifnya (Toffalini et al., 2015). Kepercayaan metakognitif kesedaran sendiri kognitif dalam kajian ini merujuk kepada kesedaran remaja juvana STB terhadap pemikirannya sendiri. Sebagai contoh, seseorang itu sedar tentang perkara yang difikirkannya.

1.8.2(c) Efikasi Kendiri

Efikasi kendiri merupakan kepercayaan individu terhadap keupayaan diri sendiri (Bandura, 1986,1997). Dalam kajian ini efikasi kendiri merujuk kepada keupayaan remaja juvana STB percaya terhadap kebolehan diri mereka. Efikasi kendiri dalam kajian ini merupakan unidimensi dan diukur dengan menggunakan Skala Efikasi Kendiri Umum (*General Self-Efficacy Scale, GSE*) (Schwarzer & Jerusalem, 1995).

1.8.2(d) Fokus Regulasi

Higgins (1997) telah menjelaskan fokus regulasi sebagai kecenderungan tingkah laku individu dalam menggunakan pendekatan untuk mencapai matlamat. Kecenderungan tingkah laku tersebut melibatkan pendekatan mendekati matlamat (*approach*) iaitu merujuk kepada fokus promosi manakala pendekatan mengelak matlamat adalah merujuk kepada fokus prevensi (Higgins et al., 2001). Dalam kajian ini, fokus regulasi merujuk kepada kecenderungan tingkah laku remaja juvana STB menggunakan pendekatan dalam mencapai matlamat kehidupan.

Fokus promosi dicirikan sebagai individu yang sensitif terhadap potensi keuntungan dan meregulasikan tingkah laku untuk mencapai hasil yang positif (Camacho, Higgins, & Luger, 2003). Schokker, Links, Luttik dan Hagedoorn (2010) pula menggambarkan individu fokus promosi mempunyai tingkah laku yang menyokong, penilaian positif dan dihubungkan dengan daya tindak adaptif. Individu fokus promosi juga dikatakan sebagai individu yang mementingkan kehadiran dan ketidakhadiran hasil positif (Higgins, 1997). Dalam kajian ini, individu fokus promosi merujuk kepada kekerapan remaja juvana STB bertindak secara positif terhadap ibu bapa dan diri sendiri.

Fokus prevensi pula merujuk kepada individu yang berfokus kepada kerugian dan mengurus tingkah laku mereka untuk menghalang hasil negatif (Cesario, Grant & Higgins, 2004). Schokker et al. (2010) pula menggambarkan individu fokus prevensi sebagai individu yang mempunyai tingkah laku yang tidak menyokong dan dihubungkan dengan daya tindak maladaptif. Individu fokus prevensi juga dikatakan lebih sensitif terhadap kehadiran atau ketidakhadiran hasil negatif (Higgins, 1997).